

**Muzakarah Dengan Umno, Bukan Dengan NGO - Nik Abdul Aziz  
Bernama  
23 Mei, 2012**

KOTA BAHARU, 23 Mei (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tetap dengan pendiriannya untuk mengadakan muzakarah dengan Umno dan bukan dengan badan bukan kerajaan (NGO).

Menteri Besar Kelantan itu berkata walaupun Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dilihat tidak bersetuju dengan pendiriannya itu namun beliau tidak akan berganjak dengan keputusannya.

"Saya tak ganggu presiden saya. Yang saya sebut, saya nak muzakarah dengan Umno kenapa tolak Islam.

Kalau dia (Hadi) tak setuju dengan saya, tak apa... yang penting muzakarah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pasar Kota Jembal, di sini Rabu.

Abdul Hadi, pada Isnin lepas, dilaporkan berkata PAS tidak akan mengadakan muzakarah dengan Umno sebagaimana yang dilaporkan oleh media sebelum ini, sebaliknya sedia berbincang dengan NGO.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668185>